

## Prioriti Dalam Perbelanjaan Urusan Perkahwinan Masyarakat Melayu Menurut Syarak

*Priority In Marriage Expenditure By Malays Society From Shariah Perspective*

Syh Noorul Madihah Syed Husin <sup>a,\*</sup>, Asmak Ab Rahman <sup>b</sup>, Raihanah Azahari <sup>c</sup>

<sup>a</sup>Department of Shariah, Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Nerus, 21300, Terengganu, Malaysia

<sup>b</sup>Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>c</sup>Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

\*Corresponding author: madihah@unisza.edu.my

### Article history

Received: 2021-09-16    Received in revised form: 2021-11-22    Accepted: 2021-12-01    Published online: 2022-06-30

### Abstract

Married couple or their family will spend for marriage either with a reasonable budget or a huge budget. Marriage expenditure in Malay community is for various purpose such as feast, ceremony, decorations, wedding gift, door gifts, photography session and so on. The expenditures on these elements are typically spent without considering the priority of the wedding. This article will explain the elements of marriage expenditure be it from the Shariah perspective and cultural or current trend of wedding celebration. This article will also discuss the priority of expenditure according to fiqh of consumerism and further analyse the priority of marriage expenditure based on the concept of marriage in Islam. Through a qualitative approach, this study will compile and analyse data through content analysis methods and the data will be obtained through documentation of scientific material in the field of fiqh of consumerism, fiqh of family and Malay cultural practices of marriage. This study finds that priority in expenditure should either be based on marriage obligation classified as *hajiyat* or *tahsinijyat* or the purpose of expenditure. These two prioritizing elements should be emphasized for every future bride and groom in ensuring better management of marriage expenditure according to the Islamic law based on fiqh of consumerism.

*Keywords:* Marriage expenditure, priority of expenditure.

### Abstrak

Pasangan atau keluarga pengantin akan mengeluarkan belanja untuk meraikan majlis perkahwinan baik secara sederhana mahupun besar-besaran. Perbelanjaan perkahwinan dalam kalangan masyarakat Melayu diuruskan bagi pelbagai tujuan dalam melengkapkan majlis perkahwinan seperti persediaan kenduri, penyediaan pelamin, hantaran perkahwinan, hadiah tetamu, fotografi dan sebagainya. Perbelanjaan terhadap elemen-elemen ini lazimnya dibelanjakan tanpa mementingkan unsur prioriti dalam perbelanjaan. Artikel ini akan menjelaskan elemen perbelanjaan dalam urusan perkahwinan sama ada yang dituntut oleh syarak mahupun adat atau trend sambutan semasa. Artikel juga turut akan mengemukakan konsep keutamaan perbelanjaan mengikut fiqh kepenggunaan dan seterusnya menganalisis keutamaan perbelanjaan untuk perkahwinan berdasarkan konsep perkahwinan menurut Islam. Melalui pendekatan kualitatif, kajian yang berbentuk dokumentasi terhadap bahan ilmiah dalam bidang fiqh kepenggunaan, fiqh kekeluargaan dan adat perkahwinan masyarakat Melayu ini akan menyusun dan menganalisis data-data yang diperolehi dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapat bahawa prioriti dalam perbelanjaan adalah merujuk kepada dua aspek iaitu keutamaan dari sudut tingkat perbelanjaan dan tujuan berbelanja. Kedua keutamaan ini amat perlu dititikberatkan bagi setiap bakal pengantin dalam memastikan perbelanjaan perkawinan dapat diuruskan dengan baik bertepatan dengan anjuran syarak dengan berteraskan konsep fiqh kepenggunaan.

*Keywords:* Perbelanjaan perkahwinan, keutamaan perbelanjaan.

## 1.0 PENDAHULUAN

Pengurusan perbelanjaan sangat penting kepada individu Muslim dalam menjamin aliran harta berlaku dengan cara yang lebih efisien dan mengikut gaya yang telah dianjurkan oleh Islam. Bagi pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga, pengurusan perbelanjaan berkaitan persiapan perkahwinan perlu diuruskan mengikut prioriti tertentu. Ia bagi memastikan kewangan yang ada mampu menyelesaikan tujuan utama dalam pengurusan perbelanjaan perkahwinan. Keseimbangan antara kewangan yang ada dengan perbelanjaan yang diperlukan adalah penting (Al-Qaradawi 1993) dan perlu diterapkan dalam urusan perbelanjaan perkahwinan melalui konsep prioriti. Walaupun konsep prioriti pengurusan perbelanjaan perkahwinan mempunyai kepentingan dan kebaikan tertentu kepada bakal pasangan yang akan berkahwin, namun malangnya ramai di kalangan muda mudi hari ini kurang kesedaran dalam mengatur corak perbelanjaan mereka. Walaupun konsep prioriti pengurusan perbelanjaan perkahwinan mempunyai kepentingan dan kebaikan tertentu kepada bakal pasangan yang akan berkahwin, namun malangnya ramai di kalangan muda mudi hari ini kurang kesedaran dalam mengatur corak perbelanjaan mereka.

Perbelanjaan yang berlaku didasarkan atas faktor cara dan trend sambutan perkahwinan semasa. Menurut Sadigov (2020), antara faktor yang menyebabkan perbelanjaan berlebihan bagi perkahwinan adalah pengaruh untuk mengadakan perkahwinan mengikut standard perkahwinan 'bergaun putih'. Di Malaysia, sambutan majlis perkahwinan kini bukan lagi diisi dengan adat dan budaya Melayu itu sendiri, malah telah dihiasi dengan pelbagai budaya lain kesan daripada penularan pengaruh luar ke dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu (Anis & Mohd, 2020). Anggaran kos perbelanjaan banyak dihabiskan untuk elemen yang menjadi kelaziman bagi masyarakat Melayu. Kajian oleh Fatimah, Nurhanie, Fidlizan, Mohd, Normala, Norimah, & Mohamad, (2016) terhadap corak perbelanjaan perkahwinan sekumpulan responden menemui tiga elemen perbelanjaan perkahwinan sampingan (selain elemen mas kahwin dan walimatulurus) yang mencatat nilai purata kos perbelanjaan tertinggi adalah perbelanjaan untuk wang hantaran dengan diikuti oleh pakej bulan madu dan barang hantaran. Ketiga elemen ini mencatat nilai purata masing-masing sebanyak RM 12,460, RM 8,362 dan RM 8,003. Ia diikuti dengan nilai purata bagi hiasan bilik pengantin (RM 6,446), cenderahati untuk tetamu (RM 5,687) dan set barang kemas (RM 5,559). Jika dilihat kepada corak perbelanjaan di atas, apa yang dibelanjakan itu bukan semestinya menjadi kemestian untuk dibelanjakan. Sebagai contoh, elemen pakej bulan madu sekiranya tidak dibelanjakan, ia tidak akan menjelaskan proses sambutan majlis perkahwinan. Namun, satu kajian menunjukkan antara tujuan pasangan berhutang dalam urusan perbelanjaan perkahwinan adalah semata-mata untuk menyelesaikan perbelanjaan bagi elemen berbulan madu (Fatimah, Mohd, Fidlizan, Azila, & Nurhanie, 2019). Hal ini tidak sewajarnya berlaku kerana menurut Siti & Noraini (2018), perbelanjaan untuk berbulan madu perlu diselesaikan berdasarkan kepada pakej yang sesuai dengan kemampuan setiap individu.

Implikasi perbelanjaan sebegini dilihat semakin merumitkan kepada kaum muda dan boleh menggalakkan mereka untuk membuat pinjaman daripada institusi perbankan demi menyempurnakan majlis resepsi pertunangan dan perkahwinan mereka (Fatimah, Nurhanie, Fidlizan, Mohd, Normala, Norimah, & Mohamad, 2016). Kajian oleh Nur & Naimah (2020) dan Syh, Raihanah, & Asmak (2018) telah menemui sejumlah responden dalam kajian mereka menjadikan pinjaman sebagai sumber kewangan bagi mengurus perbelanjaan perkahwinan. Dapatan tersebut turut disokong oleh Fatimah, Mohd, Fidlizan, Azila, & Nurhanie (2019) apabila menemui kebanyakan responden dalam kajian mereka telah mendapatkan pinjaman atau pembiayaan bank untuk tujuan perbelanjaan perkahwinan kerana mereka tidak mempunyai wang yang cukup. Walaupun jumlah pinjaman atau pembiayaan yang diterima adalah di bawah

RM100,000, namun majoriti responden terikat kepada tempoh pembayaran balik melebihi 5 tahun. Pinjaman atau pembiayaan seperti ini kebiasaannya berbentuk pinjaman dan pembiayaan peribadi, di mana kos bayaran baliknya adalah tinggi (Nurul & Sanep, 2016). Memandangkan pasangan yang ingin menyediakan suasana perkahwinan yang meriah serta mengikut trend memerlukan peruntukan kewangan yang tertentu maka antara pilihan yang ada adalah dengan berhutang dari keluarga atau membuat pinjaman dari pihak institusi perbankan. Hal ini boleh menjadi satu amalan yang negatif jika tidak ditangani dengan baik. Malah dalam jangka masa yang panjang boleh menjadi punca perbalahan di antara pasangan dan menjaskan hubungan suami isteri (Agenzia Kaunseling dan Pengurusan Kredit, 2008). Selain itu ia akan menegangkan hubungan kekeluargaan dan juga boleh membawa kepada tekanan emosi kepada suami isteri (Patricia, 2000). Malah kalau dilihat di negara barat budaya berhutang untuk menyediakan perkahwinan mengikut trend dan gah turut menjadi satu masalah utama dalam pasangan yang berkahwin (Todd, 2009).

Bebanan hutang dan perbelanjaan berlebihan untuk perkahwinan dilihat sebagai satu perkara yang perlu diatasi dengan perancangan kewangan yang baik melalui kaunseling kewangan, pendidikan serta disiplin kerana ia boleh menyumbang kepada kebahagian hidup berumahtangga (Joyce & Ken, 2021). Menyedari keadaan ini, satu penyelesaian dengan mengetengahkan kembali konsep prioriti pengurusan perbelanjaan bagi persiapan perkahwinan perlu diteliti secara serius. Justeru, artikel ini akan membincangkan tentang elemen perbelanjaan perkahwinan dan konsep prioriti dalam menguruskannya menurut syarak. Perbelanjaan perkahwinan yang dimaksudkan dalam penulisan ini adalah segala bentuk perbelanjaan yang diperlukan oleh pasangan dan ahli keluarga serta ditentukan kadarnya oleh pihak mereka bagi persediaan sambutan majlis perkahwinan mengikut syarak dan adat perkahwinan masyarakat Melayu. Konsep prioriti yang akan dibincangkan pula adalah secara umum, tanpa mengambil kira status sosial individu. Penulisan ini penting bagi memastikan individu yang akan terlibat dengan urusan perbelanjaan perkahwinan mampu mengurus perbelanjaan perkahwinan mereka dengan cara yang lebih memudahkan, tanpa melibatkan isu yang boleh membebankan mereka serta boleh memberi manfaat yang optimum kepada diri, ahli keluarga dan masyarakat.

## **2.0 KEPELBAGAIAN ELEMEN PERBELANJAAN PERKAHWINAN**

Bagi melangsungkan perkahwinan, setiap pasangan akan berhadapan dengan pelbagai persiapan sama ada yang melibatkan persiapan untuk memenuhi tuntutan syarak atau tuntutan adat dan trend semasa. Bagi tujuan tersebut, setiap pasangan memerlukan kepada perbelanjaan yang tertentu. Antara elemen yang lazim diperlukan untuk dibelanjakan adalah seperti berikut:

### **2.1 Elemen yang Diperlukan untuk Memenuhi Tuntutan Syarak**

Dalam memenuhi tuntutan syarak berkaitan persiapan awal perkahwinan, elemen perbelanjaan utama yang perlu diselesaikan oleh pasangan ialah perbelanjaan untuk penyediaan mas kahwin dan walimatulurus. Kedua elemen ini merupakan perkara yang sewajarnya disediakan setelah pasangan merancang untuk melangsungkan perkahwinan. Tanpa penyediaan perbelanjaan untuk keduanya, perkahwinan pada pandangan syarak dapat diteruskan. Namun kegagalan membelanjakan keduanya pada fasa awal perkahwinan menggambarkan perkahwinan yang berlaku tidak memenuhi tuntutan yang dianjurkan oleh syarak dengan sebaiknya.

- a) Mas kahwin

Mas kahwin merupakan sesuatu yang wajib dan berhak dimiliki oleh seorang perempuan kerana disebabkan berlakunya akad nikah atau persetubuhan (Al-Bujairimi, 1996). Kewajipan membayar mas kahwin adalah salah satu kesan daripada sahnya ikatan perkahwinan antara pasangan suami

isteri (Al-Zuhaili, 1997). Al-Quran dan hadis telah menjelaskan kewajipannya ke atas suami. Dalam surah al-Nisa', Allah SWT berfirman:

Tَبَرَّأَ مِنْهُنَّا

Maksudnya: “Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu mas kahwin-mas kabwin mereka sebagai pemberian yang wajib...”

Al-Nisa' 4: 4

Ayat di atas menunjukkan perintah kewajipan membayar mas kahwin (Al-Qurtubi, 2002) ditujukan kepada suami (Al-Andalusi, 1993). Dalam hadis pula, Rasulullah SAW bersabda melalui riwayat Bukhari:

”مَنْ يَرْكَبْ مِنْهُنَّا فَإِنَّمَا يَرْكَبْ بِمَسْكِنِهِ“ ) هَذِهِ أَيْضًا بِرَبِّكَارَبِّكَ

Terjemahan: Dari Abi Hazim dari Sahl ibn Sa'd bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda kepada seorang lelaki: “Berkahwinlah (dengan perempuan yang kamu kehendaki), walaupun dengan sebentuk cincin yang diperbuat dari besi.”

Hadis di atas menjelaskan pemberian mas kahwin adalah satu kewajipan yang perlu diselesaikan oleh suami (Al-San'ani, 2002). Selain dalil al-Quran dan hadis, para ulama' turut berijmak kewajipan ini (Al-Mawardi, 1999).

Pemberian mas kahwin oleh suami amat dianjurkan untuk dibayar secara tunai iaitu sebelum pasangan bersekedudukan (Al-Khatib, 2000). Ia boleh diselesaikan dalam bentuk pemberian harta atau manfaat. Penentuan kadarnya bergantung kepada persetujuan antara suami dan isteri (Mustafa, 1977), adat tempatan, dan kemampuan suami (Al-Hafnawi, 2000). Mas kahwin dalam bentuk harta mesti terdiri daripada sesuatu yang bernilai pada pandangan syarak (Al-Nawawi, t.t.). Apa yang dimaksudkan bernilai pada syarak adalah sesuatu yang boleh memberi manfaat kepada isteri (Al-Khatib, 2000) dan bukan berdasarkan kepada kadar semata-mata. Ini boleh difahami daripada hadis Rasulullah SAW yang menganjurkan pemberian mas kahwin berbentuk pembacaan ayat al-Quran kepada seorang sahabat (Al-Asqalani, 2001). Bahkan, syarak tidak menetapkan kadar tertentu dalam pembayaran mas kahwin, malah bergantung kepada persetujuan pasangan dan kemampuan suami.

Kewajipan pemberian mas kahwin ini sangat mengikat suami kerana tanpa penunaian tersebut, suami dikira berhutang (Mohamad & Abdul, 2009), bahkan kewajipannya tidak akan gugur walaupun dengan keredhaan pihak isteri (Al-Husaini, t.t.). Bagi menunaikan kewajipan tersebut, seorang suami akan membelanjakan hartanya sendiri sama ada dengan memberi sejumlah wang tunai, mendapatkan sesuatu barang atau membayar perkhidmatan untuk diberikan sesuatu manfaat kepada isteri.

b) Walimatulurus

Majlis walimatulurus diadakan bagi mengumumkan kepada masyarakat bahawa seorang lelaki dan seorang wanita telah menjadi suami isteri (Al-Dusuqi, t.t) dengan cara memberi makan kepada komuniti setempat. Hukumnya adalah sunat di sisi jumhur ulama, bahkan sebahagian daripada mereka mengategorikan ia sebagai sunat *muakkad* (Al-Khatib, 2000 & Al-Bujairimi, 1996). Hukum ini berasaskan kepada tindakan Rasulullah SAW mengadakan walimatulurus sama ada dalam keadaan bermukim mahupun bermusafir sempena perkahwinan baginda (Al-Ghazali, 1997). Baginda juga turut pernah bersabda melalui riwayat Muslim:

فَإِنْ أَعْلَمُ بِمَا يَنْهَا فَإِنَّمَا يَنْهَا عَنْ مَنْ يَرْجُوا أَنْ يَنْهَا إِنَّمَا يَنْهَا عَنْ مَنْ يَرْجُوا أَنْ يَنْهَا  
".**أَسْمَاعِيْلَى: إِنَّمَا**" )

Terjemahan: Daripada Qatadah dah Humayd daripada Anas bahawa sesungguhnya Abd al-Rahman ibn Awf telah berkahwin dengan seorang perempuan dengan mas kahwin bernilai seketul emas. Lalu bersabda Rasulullah SAW kepadanya: "Lakukanlah walimah walaupun dengan menyembelih seekor kambing."

Hadis di atas menggambarkan tuntutan walimatulurus ditujukan kepada suami dan bukan kepada perempuan (Al-Qalyubi & al-Umairah, 1956). Pengkhususan tuntutan kepada suami ini dapat difahami apabila Rasulullah SAW memberi perintah tersebut kepada Abd al-Rahman ibn Awf dan bukan kepada isteri atau ahli keluarga mereka. Jika dilihat kepada amalan Rasulullah SAW pula, sejarah turut membuktikan bahawa baginda sendiri yang mengadakan walimatulurus ketika berkahwin dengan mana-mana isteri. Dari aspek kadar, Islam tidak menetapkan kadar yang khusus untuk penyediaan walimatulurus seperti penetapan kadar bagi ibadah aqiqah (Al-Qalyubi & al-Umairah, 1956) dan korban. Tuntutannya adalah berasaskan kepada apa yang dikehendaki suami dan kemampuannya (Al-Jaziri, 1999). Justeru, apa bentuk hidangan sama ada makanan mahupun minuman diterima oleh syarak untuk dijadikan menu dalam walimatulurus selagi mana ia adalah halal dari perspektif syarak (Al-Ramli, 2003) sekali pun hanya terdiri daripada air susu atau air manis (Al-Ibadi, t.t).

Huraian di atas menunjukkan perbelanjaan untuk walimatulurus amat penting dalam urusan persiapan perkahwinan kerana ia termasuk dalam perkara yang dituntut secara sunat dalam Islam. Tanpa membelanjakan untuknya, majlis perkahwinan boleh dianggap kurang sempurna kerana meninggalkan satu tuntutan yang disunatkan kepada seorang suami.

## 2.2 Elemen yang Diperlukan bagi Tujuan Meraikan Adat dan Trend Semasa

Majlis perkahwinan dalam amalan masyarakat Melayu masa kini melibatkan pelbagai bentuk perbelanjaan. Hal ini rentetan kerana masyarakat Melayu mempunyai pelbagai adat dan tradisi dalam amalan kehidupan seharian, termasuk dalam soal sambutan perkahwinan (Siti, Mohd, & Phayilah, 2019). Selain itu, majlis perkahwinan kontemporari hari ini tidak lengkap tanpa adanya trend sambutan semasa (Siti & Noraini, 2018) yang menyumbang kepada kepelbagaiannya elemen perbelanjaan perkahwinan.

### a) Kad kahwin

Jemputan walimatulurus dalam kalangan masyarakat Melayu terdahulu lebih dominan kepada hebahan secara lisan oleh waris pasangan melalui kunjungan dari rumah ke rumah (Suziyana, 2009). Pada ketika itu, edaran kad kahwin hanya untuk saudara mara dan kenalan yang tinggal berjauhan sahaja (Amran, 2002), Berbeza kini, jemputan dengan menggunakan kad kahwin lebih disukai berbanding dengan jemputan secara lisan (Amran, 2002). Kad kahwin yang terdiri dari pelbagai bentuk, warna dan saiz (Fatimah, 2009), dengan pelbagai peringkat harga lazimnya melibatkan peruntukan perbelanjaan yang kecil berbanding dengan elemen lain. Meskipun pada masa kini, hebahan boleh dilakukan secara dalam talian atau maya, namun realitinya masih ramai masyarakat yang membelanjakan untuk tujuan tersebut. Ia dibuktikan apabila kajian oleh Nur & Naimah (2020) menunjukkan elemen kad kahwin masih termasuk dalam senarai elemen yang dirancang untuk dibelanjakan oleh sekumpulan responden dari ibu kota yang merupakan peserta kursus pra perkahwinan.

b) Persiapan pasangan

Masyarakat Melayu amat meraikan persiapan pasangan ketika mengadakan majlis perkahwinan. Kecantikan dan perhiasan pasangan perempuan amat dititikberatkan dalam adat tradisi perkahwinan Melayu, termasuk adat berandam (Karafi, 2010) dan berinai (Siti & Noraini, 2018). Lazimnya pakej perkahwinan yang menjadi pilihan masyarakat masa kini tidak akan terkecuali daripada dilengkapi dengan perkhidmatan solekan dan dandan (Mohd & Mohamad, 2016), malah ada juga yang mementingkan rawatan kecantikan di pusat rawatan spa (Siti & Noraini, 2018). Perkhidmatan solekan lazimnya dilakukan oleh juru andam lelaki yang profesional dalam bidang tersebut atau juru solek berbangsa asing (Karafi, 2010).

Dari sudut persiapan pakaian pasangan pula, masyarakat di luar bandar pada kebiasaannya menyewa pakaian tersebut daripada Mak Andam, manakala masyarakat bandar pula menyewanya dari butik pengantin yang terdiri daripada Baju Melayu dilengkapi songkok dan samping untuk lelaki dan baju kurung songket, *French lace*, sari atau broked untuk perempuan (Fatimah, 2009). Kos sewaan baju ini bergantung kepada jenis kain, reka corak, fesyen dan usia pakaian itu (Abbas & Norwani, 2003). Menurut Nur & Naimah (2020), elemen seperti ini merupakan antara enam elemen teratas yang menjadi pilihan untuk dibelanja oleh muda mudi sekarang. Bahkan kajian oleh Mohd & Mohamad (2016) menemui elemen berkaitan persiapan pasangan yang melibatkan solekan, dandan dan pakaian pasangan, kini semakin diminati untuk disediakan secara pakej yang ditawarkan oleh perunding perkahwinan.

c) Barang dan wang hantaran

Antara elemen perbelanjaan terpenting dalam urusan perkahwinan masyarakat Melayu adalah barang hantaran yang lazimnya terdiri daripada tepak sirih, barang kemas (Mohd, Muhammad, & Mohamad, 2020), barang keperluan peribadi seperti set alat solek, set pakaian, kasut, beg tangan atau dompet, jam tangan dan peralatan ibadah (Mohd & Mohamad, 2016) serta juadah makanan seperti bunga telur, nasi pulut, buah-buahan, kek, atau manisan yang digubah dalam bentuk yang menarik dengan disediakan bekas hantaran khas yang cantik dan eksklusif (Aishah, Sulong, & Haziyah, 2010). Penetapan barang hantaran ada ketikanya ditetapkan mengikut syarat tertentu seperti “serba satu” atau “serbe berdiri” (Siti, 2018).

Wang hantaran pula merupakan satu bayaran daripada suami kepada pihak perempuan yang terasing daripada mas kahwin. Walaupun dari perspektif Islam, wang hantaran bukan satu bayaran wajib, namun disebabkan amalan pemberiannya telah sebatи dalam amalan orang Melayu, ia telah dianggap sebagai satu bayaran wajib oleh sebahagian masyarakat (Zainunnisa, 2007). Kadar wang hantaran dilihat sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Menurut Fatimah, Nurhanie, Fidlizan, Mohd, Normala, Norimah, & Mohamad (2016) peningkatan ini adalah disebabkan oleh status calon isteri, tabiat masyarakat yang suka bersaing dan mentaliti yang sempit. Kajian yang dilakukan oleh Raihanah, Khairun, & Raihana (2009) sekitar tahun 2000-an dalam kalangan masyarakat utara semenanjung mendapati majoriti responden kajian berpandangan kadar wang hantaran yang paling munasabah pada ketika itu adalah antara RM5,000 hingga RM8,000. Namun kajian oleh Fatimah, Nurhanie, Fidlizan, Mohd, Normala, Norimah, & Mohamad (2016) mendapati nilai minimum dan maksimum yang dibelanja oleh responden kajian mereka untuk tujuan tersebut adalah RM 8,000.00 dan RM 30,000.00.

d) Jamuan dan kelengkapan

Jamuan merupakan elemen perbelanjaan terpenting kerana Islam sememangnya menuntut diadakan walimah. Kaedah pelaksanaan jamuan yang sering digunakan oleh masyarakat hari ini

terdiri dari dua bentuk iaitu secara bergotong-royong sesama ahli keluarga dan jiran setempat atau secara katering. Namun di antara dua bentuk ini, hampir 90% responden dalam satu kajian memilih untuk menggunakan khidmat katering bagi penyediaan jamuan (Fatimah, Nurhanie, Fidlizan, Mohd, Normala, Norimah, & Mohamad, 2016). Kajian oleh Nur & Naimah (2020) pula menemui 75.3% responden kajian mereka menyatakan pakej katering adalah perkhidmatan yang paling utama dalam majlis perkahwinan mereka. Walaupun begitu, masih terdapat lagi sebilangan masyarakat yang mengamalkan penyediaan jamuan secara bergotong-royong (Zainorinya Jamoran & Vivien WC, 2017; Syh, Raihanah, & Asmak, 2020).

Mengikut trend semasa perkahwinan masyarakat Melayu kini, majlis jamuan perkahwinan bukan hanya tertumpu kepada perbelanjaan dari aspek hidangan untuk jamuan sahaja, malah ia turut melibatkan elemen perbelanjaan yang lain bagi memastikan majlis tersebut berjalan dengan meriah termasuk kelengkapan jamuan seperti khemah dan sebagainya. Jika pada masa dahulu, segala kelengkapan tersebut dilakukan secara gotong-royong sesama ahli keluarga, jiran tetangga dan komuniti setempat (Fatimah, 2009). Kajian yang dilakukan oleh Mohd, Muhammad, & Mohamad (2020) memaparkan majoriti informan kajian menggunakan kanopi Arabian sebagai kelengkapan majlis perkahwinan. Penggunaan kanopi sebegini sudah tentu akan melibatkan kos. Masyarakat kini berpandangan penggunaan kanopi Arabian dianggap sebagai piawaian yang standard sebagai bentuk kanopi perkahwinan yang ideal dan perlu ada di dalam majlis perkahwinan. Selain itu, pemilihan lokasi perkahwinan turut memberi kesan kepada perbelanjaan perkahwinan. Banyak majlis perkahwinan kini diadakan di dewan hotel atau dewan komuniti yang akan melibatkan sewaan lokasi berdasarkan jam atau hari (Fatimah, 2009). Menurut Nur & Naimah (2020), kos untuk lokasi perkahwinan merupakan anggaran perbelanjaan yang kedua tertinggi iaitu dengan nilai maksimum RM 30,000.

e) Pakaian tema

Antara trend terbaru dalam sambutan perkahwinan adalah penetapan tema pakaian keluarga. Kajian oleh Fatimah, Nurhanie, Fidlizan, Mohd, Normala, Norimah, & Mohamad (2016) menemui antara perkara yang dibelanjakan oleh sekumpulan responden dari ibu kota adalah termasuk pakaian keluarga. Pada kebiasaannya, keluarga pasangan akan menetapkan tema baju bagi penyambut tetamu sama ada warna atau corak, bahkan ada yang menetapkan pakaian seragam untuk penyambut tetamu. Trend pakaian bertema untuk sambutan majlis perkahwinan ini dilihat semakin menjadi kegemaran masyarakat semasa tidak kira status keluarga sama ada golongan berada atau sederhana.

f) Hiburan

Dendangan hiburan merupakan satu amalan kelaziman dalam sambutan majlis perkahwinan masyarakat Melayu. Pelbagai bentuk hiburan diadakan oleh masyarakat terdahulu adalah termasuk persembahan nyanyian, bacaan ghazal, qasidah, tahlil atau al-Quran (Amran, 1989) dan sebagainya. Persembahan seperti ini masih diteruskan hingga sekarang dalam bentuk yang lebih moden melalui peralatan sia raya yang lengkap. Pelbagai lagu dan nyanyian secara audio dihidangkan kepada tetamu. Tidak kurang juga dengan persembahan nyanyian secara solo, kugiran, jogek lambak, karaoke dan sebagainya (Paizah, Mohd, & Ahmad, 2013). Ia biasanya diuruskan oleh seorang juru acara sama ada dalam kalangan ahli keluarga atau *deejay* berbayar. Tidak kurang juga hiburan yang disampaikan oleh rakan pasangan atau penyanyi jemputan, yang mana sebahagiannya akan melibatkan bayaran khas (Fatimah, 2009). Masyarakat masa kini lebih gemar untuk mendapatkan perkhidmatan persembahan hiburan secara berbayar kerana pengurusan dan pengendalian persembahan tersebut dilihat lebih mudah. Menurut Nur & Naimah (2020), hiburan merupakan

elemen yang dirancang untuk dibelanjakan oleh bakal pasangan apabila anggaran kos maksimum untuknya adalah RM 5,000.

g) Set pelamin

Set pelamin lumrahnya digunakan bagi meraikan pasangan melalui upacara adat bersanding (Humin, 2013). Dunia pengiklanan dan peningkatan medium media massa menjadikan penyediaan pelamin pada masa kini lebih terkedepan apabila ia direka berdasarkan tema tertentu kesan daripada inspirasi perkahwinan masyarakat negara barat. Penyediaan pelamin seperti itu semakin menjadi trend popular, malah sdianggap oleh sebahagian masyarakat sebagai suatu kemestian dalam sambutan perkahwinan (Mohd, Muhammad, & Mohamad, 2020). Menurut Fatimah, Nurhanie, Fidlizan, Mohd, Normala, Norimah, & Mohamad (2016) dalam kajian mereka, nilai min untuk perbelanjaan set pelamin oleh masyarakat sekarang adalah sebanyak RM 3,420.00. Bahkan, elemen ini termasuk dalam enam elemen teratas yang menjadi pilihan untuk dibelanjakan oleh muda mudi sekarang (Nur & Naimah, 2020).

h) Makan beradap

Makan beradap merupakan satu adat perkahwinan masyarakat Melayu dahulu yang masih diraikan hingga kini. Ketika menjalani adat ini yang juga dikenali dengan makan berhadap-hadapan atau adat nasi ulam, pasangan pengantin berserta ibu bapa masing-masing dihidangkan dengan nasi yang lengkap dengan lauk pauk kueh dan manisan yang dihias dengan pelbagai reka bentuk perhiasan (Raudhatul, 2020). Meskipun adat ini masih diteruskan, namun bentuk hidangan adalah berbeza dari masa ke semasa (Karafi, 2010). Meskipun adat ini merupakan satu upacara ringkas, namun pelaksanaannya memerlukan sejumlah perbelanjaan yang tertentu.

i) Hadiah tetamu

Hadiah tetamu yang disediakan oleh tuan rumah merupakan satu bentuk tanda ucapan terima kasih kepada undangan yang hadir. Pada masa dahulu, antara hadiah tetamu yang tidak dapat dipisahkan dengan masyarakat Melayu ialah telur yang direbus, kemudian dicelup dengan pewarna bagi menarik perhatian seperti warna merah (Strange, 1981). Ia sering dikenali sebagai ‘bunga telur’. Selain bunga telur, terdapat juga hadiah berbentuk makanan atau perhiasan yang diletakkan dalam bekas seramik, kaca, porselin, kristal atau kotak yang diperbuat daripada kertas sederhana tebal (Fatimah, 2009). Pemberian hadiah tetamu dalam perkahwinan moden masa kini telah mengalami pelbagai evolusi dan fungsian (Mohd, Muhammad, & Mohamad, 2020). Pelbagai bentuk hadiah yang diberikan kepada tetamu sama ada berbentuk makanan atau bukan makanan. Selain itu, terdapat perbezaan di antara hadiah untuk tetamu VVIP dan bukan VVIP (Mohd, Muhammad, & Mohamad, 2020). Pasangan dalam kalangan orang berada sanggup menyediakan hadiah yang lebih mewah dengan menempahnya dari luar negara dan dicatatkan nama pengantin dan tarikh perkahwinan pada hadiah tersebut (Fatimah, 2009).

j) Fotografi

Fotografi sempena majlis perkahwinan hanyalah sebagai tanda kenangan kepada pasangan. Ketika dahulu, fotografi lebih banyak tertumpu di dalam bilik pengantin dengan memperagakan pelbagai bentuk pakaian dan ditemani oleh Mak Andam (Amran, 1989). Adat ini diteruskan, bahkan prosesnya ada yang bermula sebelum hari berlangsungnya perkahwinan yang dikenali sebagai fotografi *pre-wedding* (Siti, Mohd, & Phayilah, 2019). Pada masa sekarang, fotografi perkahwinan banyak dilakukan secara santai dan unik (Yuliandi Kusuma, 2012). Sesi fotografi antara pasangan dan ahli keluarga serta sahabat handai bagi majlis perkahwinan yang diadakan di dewan lazimnya berlaku selepas selesai majlis merenjis dan menepung air tawar. (Fatimah, 2009).

Pasangan juga turut bergambar di luar lokasi majlis perkahwinan setelah majlis perkahwinan selesai. Sesi fotografi yang dikenali sebagai fotografi *outdoor* ini semakin diminati oleh masyarakat kerana hasil fotografi tersebut yang mempunyai nilai artistik dengan ditambah unsur lokasi penggambaran serta suntingan digital dianggap lebih istimewa (Yuliandi Kusuma, 2012). Pakej fotografi seperti ini telah banyak ditawar oleh juru gambar profesional yang melibatkan caj bayaran yang tertentu. Perkhidmatan fotografi yang melibatkan jurukamera terlatih biasanya melibatkan kos upah yang tinggi. (Siti & Noraini, 2018). Permintaan perkhidmatan fotografi perkahwinan yang semakin meningkat telah menjadikan ia sebagai satu sumber pendapatan kepada juru gambar (Yusuf, t.t) pada masa kini. Kajian oleh Fatimah, Nurhanie, Fidlizan, Mohd, Normala, Norimah, & Mohamad (2016) terhadap corak perbelanjaan perkahwinan sekumpulan responden menemui anggaran kos perbelanjaan minimum yang dibelanjakan untuk perkhidmatan ini ialah RM 660, manakala maksimumnya pula berjumlah RM 5,000.

k) Bulan madu

Menjadi amalan kebiasaan bagi pasangan yang baharu selesai mengadakan majlis perkahwinan pergi berbulan madu sebagai fasa untuk berehat setelah keletihan menganjurkan majlis perkahwinan. Selain itu, pasangan boleh mengambil peluang untuk saling kenal mengenali dengan lebih mendalam sepanjang tempoh bulan madu (Siti, Mohd, & Phayilah, 2019). Amalan bulan madu pada zaman moden ini banyak terkesan daripada gaya masyarakat negara Barat apabila ia diadakan di hotel mewah dalam atau luar negara (Shamsuddin & Ain, 2012). Bagi tujuan tersebut, pasangan sudah tentu akan membelanjakan sejumlah wang untuk menampung kos perjalanan, penginapan, makan minum dan perbelanjaan sampingan yang lain. Satu kajian oleh Fatimah, Nurhanie, Fidlizan, Mohd, Normala, Norimah, & Mohamad (2016) mendapati nilai min kedua tertinggi yang dibelanjakan oleh responden kajian adalah bagi perbelanjaan pakej bulan madu iaitu RM 8,362.00. Ketinggian nilai perbelanjaan ini adalah kerana faktor lokasi berbulan madu di luar negara dan pemilihan hotel lima bintang oleh pasangan.

### **3.0 KONSEP PRIORITI DALAM BERBELANJA**

Dalam menghasilkan kepuasan dan kehendak yang optimum ketika berbelanja, setiap individu Muslim akan cuba memaksimumkan kepuasan diri berdasarkan kepada batasan kewangan dan menyesuaikannya dengan corak perbelanjaan (Jaafar, Sanep, & Hairunnizam, 2011). Meskipun begitu, ia tidak bermakna setiap individu bebas berbelanja untuk memuaskan kehendak dan keperluan diri semata-mata (Mohd., 1994), malah Islam mengajar untuk berbelanja mengikut keutamaan, sama ada dari aspek tingkat keperluan manusia atau dari aspek tujuan berbelanja.

#### **3.1 Prioriti dari Aspek Tingkat Keperluan Manusia**

Dari aspek tingkat keperluan, Islam menganjurkan agar mengutamakan perbelanjaan bagi keperluan *daruriyyat* mendahului daripada keperluan *hajiyat*, kemudian diikuti dengan keperluan *kamaliyyat* (Ibn Khaldun, t.t) atau juga disebut sebagai *tahsinijiyat* (Ghazi, 1992). Tingkat keperluan ini adalah merujuk kepada tingkatan *maslahah* dalam *maqasid al-shari'ah*. Menurut Al-Shatibi (2016), *daruriyyat* merupakan tingkatan *maslahah* yang paling tinggi diikuti dengan *hajiyat* dan *tahsinijiyat*. Maka, dalam urusan perbelanjaan, wang yang ingin dibelanjakan perlu diberi keutamaan kepada keperluan *daruriyyat*, kemudian diikuti keperluan *hajiyat* dan *tahsinijiyat* (Nor, 2014).

##### **3.1.1 Keperluan Daruriyyat**

Keperluan *daruriyyat* merujuk kepada sesuatu yang diperlukan dalam kehidupan untuk menjaga kemaslahatan agama dan kehidupan di dunia. Tanpa keperluan ini, manusia akan hidup dalam keadaan pincang sama ada di dunia atau akhirat kerana kemaslahatan untuk penjagaan

agama, nyawa, akal, harta dan keturunan tidak terpelihara (Al-Shatibi, 2016). Antara bentuk keperluan *daruriyyat* yang perlu diutamakan termasuk perbelanjaan untuk menegakkan syiar Islam bagi penjagaan agama (Ghazi, 1992), perbelanjaan untuk meneruskan kelangsungan hidup seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal bagi penjagaan nyawa (Afzal, 1975), perbelanjaan untuk bahan ubatan dan pemakanan sihat bagi penjagaan akal, perbelanjaan untuk penyuburan harta bagi penjagaan harta serta perbelanjaan yang boleh menjamin pemeliharaan maruah dalam kadar yang diperlukan bagi penjagaan maruah (Ghazi, 1992). Dalam urusan perbelanjaan perkahwinan, elemen yang diperlukan untuk dibelanja bagi persiapan perkahwinan masih belum mencapai keperluan tahap *daruriyyat* kerana elemen yang dibelanjakan bukan merupakan keperluan asas manusia. Bahkan menurut Ibn Ashur (2001), walaupun perkahwinan secara zahirnya merupakan maslahah *daruriyyah*, namun dari aspek pelaksanaannya, perkahwinan secara syar'i hanya termasuk dalam kategori maslahah *hajiyah* bagi tujuan pemeliraan keturunan.

### **3.1.2 Keperluan *Hajiyah***

Keperluan *hajiyah* pula adalah sesuatu yang bukan merupakan keperluan asas manusia (Ghadi, t.t). Ia diperlukan sebagai satu kemudahan dan bertujuan untuk mengelakkan sebarang kesempitan serta kesukaran kepada manusia (Al-Shatibi, 2016). Apabila keperluan ini tidak dipenuhi, kehidupan manusia tidak akan terganggu, namun ia boleh membawa kepada kesusahan (Zaidan, 2009). Keperluan ini merangkumi penjagaan untuk lima kemaslahatan juga seperti keperluan *daruriyyat*, walaupun begitu ia dibezakan dari sudut tahap keperluan tersebut (Ibn Ashur, 2001). Contoh kepada keperluan *hajiyah* ialah makanan yang berkhasiat, tempat tinggal dan pakaian yang selesa (Ghazi, 1992). Perbelanjaan untuk keperluan ini boleh dibelanjakan mengikut kemampuan individu dan bukan dengan cara yang membebankan (Ghazi, 1992) apabila perbelanjaan untuk keperluan *daruriyyat* telah dipenuhi (Dawabah, 2010). Keperluan *hajiyah* dalam urusan perbelanjaan perkahwinan merangkumi elemen yang diperlukan dalam menyelesaikan urusan perkahwinan. Sekiranya tidak dibelanjakan, ia tidak memberi sebarang kesan kepada pengesahan perkahwinan secara syar'i, tetapi akan menyukarkan dan memberi kesusahan kepada pasangan yang berkahwin.

### **3.1.3 Keperluan *Tahsinijiyat***

Tingkatan terakhir dalam mengurus perbelanjaan ialah perbelanjaan untuk keperluan *tahsinijiyat*. Keperluan *tahsinijiyat* merupakan satu pelengkap yang menjadi hiasan tambahan bagi kehidupan manusia. Kewujudan keperluan ini membuatkan kehidupan manusia akan lebih sempurna (Ibn Ashur, 2001) dan lebih senang serta selesa (Afzal, 1975). Sebagai contoh, kereta mewah dan banglo besar (Mohd & Nora, 2009) merupakan keperluan *tahsinijiyat* kerana keperluan terhadapnya tidak mendesak, malah dengan memilikinya, kehidupan akan lebih selesa dan sempurna. Walaupun ia merupakan tingkat keperluan paling rendah, perbelanjaan untuknya dalam kadar yang diperlukan masih dibenarkan dalam Islam dan masih tidak dikira sebagai perbelanjaan boros dan membazir (Al-Misri, 1993). Walaupun begitu, ia tidak perlu dibelanjakan hingga perbelanjaan untuk *daruriyyat* dan *hajiyah* telah diselesaikan (Dawwabah, 2010). Hal keadaan ini menunjukkan bahawa keperluan *tahsinijiyat* tidak sewajarnya dijadikan sebagai tumpuan utama hingga mengabaikan keperluan *daruriyyat* dan *hajiyah*. Dalam konteks perbelanjaan perkahwinan, keperluan *tahsinijiyat* yang melibatkan elemen tambahan terdiri daripada elemen sampingan yang dibelanjakan hanya bertujuan untuk memeriahkan majlis dan meraikannya mengikut adat tradisi masyarakat Melayu. Ia juga merangkumi perbelanjaan untuk elemen *hajiyah* tetapi kadar atau bentuk perbelanjaannya telah melepas tahap keperluan seperti dengan cara bermewah-mewah atau pun dengan kos yang pada adatnya terlalu tinggi jika dibandingkan dengan kos yang biasa dihabiskan untuk tujuan perbelanjaan tersebut.

### 3.2 Prioriti dari Aspek Tujuan Berbelanja

Dari aspek tujuan berbelanja, perbelanjaan yang paling perlu diutamakan ialah perbelanjaan untuk memenuhi tuntutan wajib, kemudian diikuti dengan tuntutan sunat dan harus. Adapun perbelanjaan untuk tujuan memenuhi perkara yang dimakruh sewajarnya dielakkan, manakala untuk tujuan perkara haram pula wajib dihindarkan (M. Sholahuddin, 2007). Konsep ini bertepatan dengan prinsip *fiqh awlawiyyat* yang mengutamakan pelaksanaan ibadah wajib berbanding dengan ibadah sunat (Al-Qaradawi, 2000). Ini bermakna, individu yang mempunyai harta yang terhad perlu membataskan perbelanjaannya hanya untuk perkara wajib. Sekiranya wujud kelebihan harta setelah perbelanjaan tersebut selesai, dia boleh membelanjakan untuk perkara sunat dan seterusnya perkara harus. Sebagai contoh, dalam menguruskan perbelanjaan keluarga bagi seorang suami, perbelanjaan untuk menyelesaikan kewajipan pembayaran nafkah asas bagi isteri dan anak perlu didahulukan daripada perbelanjaan untuk pemberian hadiah bersempena kepada mereka.

## 4.0 TINGKAT KEPERLUAN ELEMEN DALAM PERBELANJAAN PERKAHWINAN

Jika dilihat kepada kepelbagaian elemen dalam urusan perbelanjaan perkahwinan masyarakat Melayu yang diulas sebelum ini, didapati apa yang perlu dibelanja sama ada berbentuk barang mahupun perkhidmatan, tidak mencapai tahap keperluan *daruriyyat*. Hal ini kerana segala elemen yang diperlukan itu bukan merupakan keperluan asas dalam kehidupan manusia. Walaupun perkahwinan secara zahirnya merupakan *maslabah daruriyyah* dari aspek keperluan memelihara keturunan manusia daripada pupus, namun secara *shari'i*, perkahwinan dari sudut pelaksanaannya hanyalah merupakan *maslabah hajiyah* bagi tujuan memelihara keturunan (Ibn Ashur, 2001). Kedudukan perkahwinan sebagai *maslabah hajiyah* ini adalah berasaskan kepada keperluan perkahwin secara *juz'i* iaitu ke atas setiap individu. Maka segala bentuk perbelanjaan untuk tujuan perkahwinan secara umumnya adalah satu bentuk keperluan *hajiyah* dan bukan keperluan *daruriyyat*.

Bagi elemen yang diperlukan untuk memenuhi tuntutan syarak, pembayaran mas kahwin dan penganjuran walimatulurus boleh dikategorikan sebagai keperluan *hajiyah*. Kedua-duanya dilihat bukan satu keperluan *daruriyyat* dalam urusan kehidupan dan perkahwinan manusia. Mas kahwin tidak dianggap keperluan *daruriyyat* kerana ia bukan merupakan rukun perkahwinan, malah hanya merupakan kesan kepada akad yang sah (Al-Zuhaili, 1997). Ia diumpamakan sebagai pelengkap dan syiar kepada perkahwinan, kerana perkahwinan mampu diteruskan walaupun pembayaran mas kahwin tidak berlaku. Walaupun ia wajib dibayar (Al-Bujairimi, 1996), namun penagguhan atau penafian bayarannya tidak akan membatalkan ikatan perkahwinan kerana ia bukan rukun atau syarat kepada rukun. Walaupun begitu, penafian atau penangguhan tersebut boleh mendatangkan pelbagai implikasi fiqah berkait dengan hak dan kewajipan pasangan, yang mana akhirnya mampu menggugat keharmonian kehidupan rumah tangga.

Sebagai contoh, bagi seorang suami yang tidak menunaikan pembayaran mas kahwin sebelum bersekedudukan meskipun dalam akad disebut pembayarannya adalah secara tunai, boleh mengganggu keharmonian kehidupan rumah tangga apabila isteri diberi hak untuk tidak melayani suami untuk bersekedudukan. Hukum syarak menetapkan isteri yang tidak dibayar mas kahwin seperti itu berhak menahan diri daripada memenuhi kehendak suami untuk bersetubuh sehingga hal pembayaran mas kahwin itu selesai (Al-Khin, Al-Bugha, & Al-Sharbiji, 1998). Selain itu, bagi perbelanjaan untuk walimatulurus pula, penganjurannya dilihat untuk memudahkan pasangan dan ahli keluarga dalam memenuhi tuntutan menghebahkan perkahwinan. Hukum menghebahkan perkahwinan adalah sunat (Al-Mubarakfuri, 2011), dan bagi tujuan itu, Islam menganjurkan untuk dilaksanakan walimatulurus. Tanpa penganjuran walimatulurus, perkahwinan dapat diteruskan,

malah hebahan tersebut boleh dicapai melalui cara lain, namun pasangan akan berhadapan dengan kesukaran. Melalui penganjuran walimatulurus, urusan hebahan perkahwinan dapat dilaksanakan dengan lebih mudah.

Selain mas kahwin dan walimatulurus, antara keperluan *hajiyat* juga ialah perbelanjaan untuk persediaan dan kelengkapan atas walimatulurus seperti kad kahwin dan peralatan jamuan. Tujuan perbelanjaan kad kahwin ialah untuk menghebahkan jemputan kenduri dalam memenuhi tuntutan walimatulurus. Edaran kad kahwin memudahkan urusan jemputan apabila segala maklumat lengkap berkaitan undangan dapat disampaikan dengan sempurna kepada individu yang diundang. Selain itu hebahan secara edaran kad kahwin ini dilihat lebih beradab pada pandangan masyarakat tempatan, bahkan urusannya lebih mudah dan telah diterima sebagai satu bentuk adat undangan. Walaupun begitu, tanpa perbelanjaan kad kahwin, urusan hebahan jemputan kenduri masih boleh berlaku dengan cara lain seperti hebahan secara lisan melalui adat kunjung mengunjung dan secara maya sama ada melalui penghantaran mesej dalam telefon pintar, emel atau sebagainya. Namun penggunaan peralatan komunikasi moden yang melibatkan hebahan secara dalam talian seperti ini kurang bersesuaian dengan adat dan tatussila kesompanan masyarakat Melayu. Menurut Noriati (2005), orang Melayu sangat mementingkan perasaan orang lain dalam apa jua pertimbangan. Begitu juga keadaannya dalam isu hebahan perkahwinan. Masyarakat Melayu khususnya golongan veteran masyarakat tradisional agak sensitif apabila hebahan hanya dihantar secara maya tidak secara berdepan melalui kad, kerana ia tidak melambangkan adat dan kesompanan budaya masyarakat Melayu. Selain itu, kaedah menggunakan kad kahwin merupakan kaedah yang paling popular digunakan oleh segenap lapisan masyarakat, maka elemen ini masih dianggap sebagai keperluan *hajiyat*.

Bagi kelengkapan atas walimatulurus pula, perbelanjaan untuk peralatan jamuan seperti kerusi, meja dan kanopi juga boleh dikategorikan sebagai keperluan *hajiyat*. Ini kerana peralatan seperti itu amat diperlukan bagi memudahkan urusan jamuan zaman sekarang. Meskipun kedudukan kelengkapan atas jamuan mungkin dikategorikan sebagai keperluan *tahsinyyat* pada satu masa dahulu, namun faktor peredaran masa (Ali, 1980) dan perubahan sosial dalam sambutan perkahwinan membolehkan tahap keperluan tersebut berubah dari *tahsinyyat* kepada *hajiyat*. Selain peralatan jamuan, kos sewaan lokasi jamuan turut boleh dikategorikan sebagai keperluan *hajiyat* khususnya bagi individu yang memerlukan lokasi kerana berhadapan dengan isu keterbatasan tempat untuk diadakan jamuan. Tanpa perbelanjaan tersebut, pelaksanaan jamuan agak sukar dilakukan.

Pengkategorian elemen-elemen di atas sebagai keperluan *hajiyat* hanya berlaku apabila ia dibelanjakan dalam kadar yang diperlukan sahaja. Adapun sekiranya elemen yang dibelanjakan itu melebihi tahap keperluan, seperti perbelanjaan untuk hidangan mewah, peralatan jamuan yang gah seperti kanopi mewah, sewaan lokasi di dewan atau hotel mewah dan kad kahwin yang berharga lebih tinggi dari adat kebiasaan bukan lagi termasuk dalam keperluan *hajiyat*. Bahkan kesemuanya itu boleh dikategorikan sebagai keperluan *tahsinyyat* kerana tujuannya adalah lebih kepada kesempurnaan dan tambah baik terhadap peralatan atau perkhidmatan jamuan. Ia juga melampaui tahap apa yang perlu disediakan bagi mencapai tuntutan walimatulurus. Perbelanjaan seperti ini termasuk dalam keperluan *tahsinyyat* kerana tujuannya adalah lebih kepada kesempurnaan dan keelokan kehidupan manusia (Dawwabah, 2010).

Elemen perbelanjaan perkahwinan selain daripada apa yang dikemukakan di atas merupakan keperluan *tahsinyyat*. Ia merangkumi perbelanjaan untuk hadiah pasangan dan hadiah tetamu. Tujuan pemberian wang hantaran dan barang hantaran untuk pasangan serta hadiah tetamu adalah untuk memenuhi tuntutan dalam adat perkahwinan Melayu. Hakikatnya, tuntutan

penganjuran walimatulurus tetap boleh dipenuhi dari sudut *syar'i*, tanpa membelanjakan kesemua perkara tersebut. Namun dengan membelanjakannya, majlis perkahwinan terlaksana berdasarkan kehendak adat dan budaya masyarakat Melayu. Selain itu, perbelanjaan bagi perkhidmatan persiapan diri dan kemeriahinan majlis kenduri seperti kos perkhidmatan andaman, pakaian pengantin, set pelamin, fotografi serta hiburan. Perbelanjaan ini lebih bertujuan untuk meraikan pasangan dan kemeriahinan majlis. Justeru, ia termasuk dalam keperluan *tabsiniyyat*, kerana perbelanjaan untuk perkara itu lebih kepada pengindahan (*taziyin*) keperluan manusia (Mohamad, 2013).

## **5.0 TINGKAT TUJUAN BERBELANJA DALAM PERBELANJAAN PERKAHWINAN**

Dari aspek tujuan berbelanja, elemen perbelanjaan perkahwinan yang wajib dibelanjakan hanya terfokus kepada perbelanjaan mas kahwin sahaja. Kewajipan pembayaran mas kahwin ke atas suami untuk diberikan kepada isteri telah disepakati dan *ijmak* oleh ulama (Al-Mawardi, 1999). Justeru, perbelanjaan untuknya perlu diutamakan berbanding dengan perbelanjaan lain. Bagi perbelanjaan bertujuan memenuhi tuntutan sunat pula, ia melibatkan perbelanjaan untuk pelaksanaan walimatulurus dan pemberian hadiah untuk pasangan serta tetamu yang menepati konsep *hibah*.

Perbelanjaan untuk mengadakan jamuan walimatulurus termasuk dalam perbelanjaan yang disunatkan kerana hukum menganjurkan walimatulurus adalah sunat (Al-Bujairimi, 1996) sekiranya memenuhi kriteria konsepnya. Dalam fiqah kekeluargaan, konsep walimatulurus secara *syar'i* ialah jamuan yang dianjurkan oleh suami melalui hartanya (Al-Qalyubi & Al-Umairah, 1956; Zaidan, 2000) atau oleh wali kepada suami dengan menggunakan harta suami bagi suami yang masih belum matang. Menurut Al-Ibadi (t.t), jamuan yang dilakukan oleh wali itu masih memenuhi konsep walimatulurus sekiranya ia dilakukan dengan keizinan pihak suami. Hal keadaan ini menunjukkan perbelanjaan untuk jamuan yang dilakukan oleh suami perlu diutamakan daripada jamuan yang dilakukan oleh ahli keluarga perempuan sekiranya tidak mendapat keizinan suami.

Perbelanjaan untuk pemberian hadiah kepada pasangan dan tetamu seperti wang hantaran, barang hantaran dan hadiah tetamu tidak mempunyai tuntutan yang khusus dalam fiqah kekeluargaan. Namun, pemberian itu boleh dikategorikan sebagai *hibah* sekiranya menepati konsep *hibah*. Dalam Islam, *hibah* merujuk kepada pemberian milik harta oleh seorang individu ketika masih hidup tanpa penetapan sebarang balasan. Menurut Al-Nawawi (t.t), *hibah* yang diberikan atas tujuan kasih sayang dan memuliakan seseorang termasuk dalam kategori hadiah. Manakala yang diberikan atas tujuan pendekatan diri kepada Allah SWT pula termasuk dalam kategori sedekah (Al-Ramli, 2003). Walaupun kedudukannya dibezakan dengan niat, namun kedua-duanya adalah amalan ibadat yang sunat dan digalakkkan dalam Islam (Al-Nawawi, t.t). Selain itu, antara konsep *hibah* juga ialah dari aspek syarat pemberian. Sesuatu hadiah hanya dikategorikan sebagai *hibah* apabila pemberi (*al-wahib*) memberikan sesuatu itu secara sukarela dan bukan paksaan (Mohd. Ridzuan, 2003). Ini bermakna *hibah* dalam Islam adalah satu pemberian tanpa dikenakan sebarang bayaran. Dari aspek jenis barang yang dihadiahkan pula, barang yang diberikan itu perlu terdiri daripada harta yang diterima oleh syarak untuk dijual beli (Al-Nawawi, t.t), iaitu yang bernilai.

Konsep *hibah* yang dikemukakan ini jelas menggambarkan sekiranya hadiah yang dibelanjakan untuk majlis perkahwinan menepati tiga kriteria yang disebutkan sebelum ini iaitu pemberian; i) tanpa bayaran, ii) secara sukarela dan iii) daripada barang bernilai pada syarak, perbelanjaan untuknya akan termasuk dalam kategori *hibah* dan dikira sunat (Al-Dahlawi, 2005). Jika diteliti kepada amalan pemberian hadiah dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu, didapati

ia adalah pemberian tanpa bayaran yang bertujuan untuk menambahkan kasih sayang antara pemberi dan penerima, sama ada yang melibatkan pasangan, ahli keluarga dan juga tetamu. Barang yang dihadiahkan pula terdiri daripada harta yang bernilai pada syarak seperti wang tunai, barang kemas wanita, set pakaian, kuih manisan, barang perhiasan dan sebagainya. Namun jika ditinjau dari aspek kriteria *hibah* yang kedua iaitu pemberian secara suka rela, didapati unsur suka rela masih boleh dipertikaikan dalam beberapa hal. Beberapa bentuk pemberian dilihat boleh menafikan unsur suka rela secara menyeluruh apabila penentuan kadar pemberian ditetapkan oleh pihak pemberi, dan ada juga dalam kalangan pemberi yang terpaksa menghadiahkan dengan satu kadar di luar jangkaan dan batasan kemampuan.

Sebagai contoh pemberian wang hantaran yang ditentukan kadarnya oleh keluarga perempuan. Amalan bagi sebahagian masyarakat Melayu menunjukkan kadar wang hantaran bukan bergantung kepada kemahuhan calon suami yang merupakan pemberi, malah bergantung kepada status pendidikan dan permintaan daripada pihak keluarga perempuan (Che, Zaharah, & Baterah, 2015). Amalan penetapan ini menggambarkan pemberian wang hantaran masih belum menepati konsep *hibah* yang sebenar kerana kadar yang dibelanjakan itu bukan secara suka rela oleh pihak pemberi. Menurut Amran (1989), lazimnya seorang calon suami akan bersuara untuk mengurangkan kadar wang hantaran jika dia merasakan kadar itu tidak bersesuaian dengan kemampuannya. Ini menunjukkan berlakunya penafian unsur suka rela dalam pemberian wang hantaran bagi sesetengah masyarakat, kerana penetapan kadarnya seolah-olah satu permohonan daripada pihak penerima. Sekiranya pemberian itu berlaku atas dasar tersebut, ia dilihat bukan lagi merupakan salah satu bentuk *hibah* kerana tidak selari dengan konsep *hibah* secara syar'i. Meskipun ia mungkin tidak termasuk sebagai *hibah*, namun masih boleh dibelanjakan kerana ia melibatkan pemberian barang yang bernilai dan bertujuan untuk kebaikan serta mendatangkan manfaat. Adapun sekiranya wang hantaran yang diberi oleh suami itu adalah secara suka rela tanpa ada sebarang unsur paksa, perbelanjaan tersebut dilihat untuk tujuan melakukan tuntutan sunat, malah ia bertepatan dengan hukum *hibah* seperti yang dijelaskan sebelum ini.

Selain itu, terdapat juga elemen perbelanjaan perkahwinan yang hanya dibelanjakan untuk melaksanakan amalan harus dalam Islam. Elemen tersebut termasuk kad kahwin, kos untuk persiapan tempat dan sewaan lokasi, persiapan pasangan, set pelamin, pakaian tema, hiburan, makan beradap dan bulan madu. Dari perspektif Islam, sekiranya perbelanjaan ini bertujuan untuk melakukan amalan patuh syariah, ia adalah harus untuk dibelanjakan. Sebagai contoh, sekiranya elemen persiapan diri calon isteri tidak melibatkan perkara yang dilarang seperti terpelihara batasan aurat dengan hanya mendedahkan perhiasan zahir (Ibn Kathir, 2000), tiada unsur *tabarruj* (Al-Shaukani, t.t), mengguna perkhidmatan daripada juru andam wanita dan aurat sesama wanita terpelihara (Amr, 2000) serta tidak melibatkan perhiasan yang mempunyai larangan khusus seperti mengasah gigi, mencukur kening dan perhiasan pada badan yang melibatkan perubahan ciptaan Allah SWT (Al-Bukhari, 2000), ia dikategorikan sebagai elemen yang melibatkan amalan patuh syariah dan harus dibelanjakan. Maka begitulah keadaannya bagi perbelanjaan elemen harus yang lain. Perbelanjaan untuk elemen yang bertujuan untuk perkara harus seperti ini sewajarnya dikemudiankan daripada perbelanjaan elemen untuk memenuhi tuntutan wajib dan sunat. Hal ini bermakna, sekiranya seseorang individu masih mempunyai lebihan belanja setelah berbelanja bagi memenuhi tujuan wajib dan sunat, perbelanjaan untuk elemen-elemen yang dinyatakan ini boleh diteruskan dalam kadar yang berpatutan. Namun sekira sebaliknya berlaku, perbelanjaan perkahwinan sebaiknya tidak diteruskan untuk perbelanjaan tersebut semata-mata untuk memenuhi perkara yang diharuskan dalam Islam.

## 6.0 KESIMPULAN

Prioriti dalam mengurus perbelanjaan perkahwinan amat penting bagi pasangan yang ingin merancang untuk berkahwin. Pertimbangan prioriti perlu diukur dari aspek tingkat keperluan dan tujuan berbelanja. Bagi melihat dengan lebih jelas prioriti pengurusan harta dalam perbelanjaan perkahwinan, jadual berikut menggambarkan keutamaan berbelanja berdasarkan dua aspek tersebut:

Jadual 1: Keutamaan Berbelanja Berdasarkan Tingkat Keperluan dan Tujuan Berbelanja

TINGKAT KEPERLUAN	TUJUAN BERBELANJA		
	Perkara Wajib	Perkara Sunat	Perkara Harus
<i>Hajiyyat</i>	- Mas kahwin	- Jamuan untuk tujuan walimatulurus	- Kad kahwin  - Kelengkapan asas jamuan (kerusi, meja dan kanopi)  - Lokasi majlis bagi yang memerlukan
<i>Tahsiniyyat</i>		- Barang dan wang hantaran yang menepati konsep <i>bibah</i>  - Hadiyah tetamu	- Wang hantaran yang tidak menepati konsep <i>bibah</i>  - Persiapan diri pasangan  - Hiburan  - Pakaian tema  - Fotografi  - Set pelamin  - Makan beradap  - Berbulan madu

Jadual 1 di atas menjelaskan perbelanjaan yang paling perlu diberi keutamaan ialah elemen yang termasuk dalam keperluan *hajiyyat*. Bagi keperluan ini, keutamaan wajar diberikan kepada elemen yang bertujuan untuk memenuhi tuntutan wajib, diikuti dengan untuk tuntutan sunat dan harus. Menurut Ghazi (1992), perbelanjaan bagi keperluan *hajiyyat* seperti ini mesti diuruskan mengikut tahap kemampuan dan dalam kadar yang secukupnya. Selanjutnya, apabila hasil perbelanjaan bagi keperluan *hajiyyat* masih mempunyai lebihan kewangan, perbelanjaan haruskan dilakukan untuk keperluan *tahsiniyyat* bermula dengan elemen yang bertujuan untuk memenuhi amalan sunat, dengan diikuti amalan harus. Namun sekiranya tiada sebarang lebihan kewangan hasil perbelanjaan untuk keperluan *hajiyyat*, perbelanjaan harus ditumpukan pada keperluan tersebut dan tidak pada keperluan *tahsiniyyat*. Hal ini kerana menurut Dawwabah (2010), perbelanjaan untuk keperluan *tahsiniyyat* adalah tidak wajib melainkan perbelanjaan untuk *daruriyyat* dan *hajiyyat* telah selesai. Apa yang dimaksudkan di sini ialah apabila sumber kewangan terhad,

perbelanjaan untuk keperluan *tabsinijyat* perlu dikurangkan atau langsung tidak dibelanjakan kerana ia bukan lagi menjadi keutamaan.

Kesimpulannya, perbelanjaan perkahwinan yang mementingkan konsep prioriti mampu melahirkan individu yang berfikir dan berhemah sebelum berbelanja. Selain itu, ia juga dapat menyelesaikan masalah pertembungan di antara kehendak manusia yang tidak terbatas khususnya bagi pasangan yang ingin berkahwin dan sumber kewangan yang terbatas, terutamanya bagi pasangan muda yang masih belum mempunyai sumber kewangan yang kukuh.

## Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan PhD di Universiti Malaya bertajuk "Gelagat Perbelanjaan Perkahwinan Masyarakat Melayu Muslim Menurut Perspektif Syariah" (Marriage Spending Behavior among Malay Muslim Community from Shariah Perspective) di bawah Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) tajaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

## List of Reference

- Abbas Alias & Norwani Md. Nawawi. (2003). *Pakaian Melayu sepanjang zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Afzalur Rahman. (1975). *Economic doctrines of Islam*. 2. Lahore: Islamic Publications Ltd.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit. (2008). *Money sense getting smart with your money*. Kuala Lumpur: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit.
- Aishah @ Eshah Mohamed, Sulong Mohamad & Haziyah Hussain. (2010). "Makanan hantaran dalam perkahwinan Melayu Kelantan: Adat dan interpretasi." *Jurnal e-Bangi*, 5(1), 103-115.
- Ali Abd al-Rasul. (1980). *Al-Mabadi' al-iqtisadiyyah fi al-Islam*. Kuwait: Dar al-Fikr al-Arabiyy.
- Amr Abd al-Mun'im Salim. (2000). *Adab al-khitbah wa al-zijaf min al-kitab wa sabih al-sunah*. Tanta: Dar al-Diya'.
- Amran Kasimin. (2002). *Perkahwinan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anis Mursyida Sabri & Mohd Anuar Ramli. (2020). "Amalan bridel shower dalam majlis perkahwinan Melayu Islam menurut perspektif hukum Islam." *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(3), 149 -164.
- Al-Andalusi, Muhammad ibn Yusuf Abu Hayyan. (1993). *Al-Bahr al-muhit*. Jilid 3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Asqalani, Ahmad ibn Ali ibn Hajar. (2001). *Fath al-bari*, ed. Abd al-Aziz ibn Baz & Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi. Jilid 11. Qaherah: Maktabat al-Misr.
- Al-Bujairimi, Sulayman ibn Muhammad ibn Umar. (1996). "Al-bujairimi ala al-khatib" dicetak bersama Muhammad ibn Ahmad al-Shirbini al-Ma'ruf bi al-Khatib al-Shirbini, *Tuhfat al-babib ala Sharh al-Khatib*. Jilid 4. Beirut: Dar al-Kutub Ilmiyyah.
- Al-Bukhari, Abu Abd Allah Muhammad ibn Ismail. (2000). "Sahih al-bukhari." Dalam *Mawṣū'at al-hadīth al-shārif: Al-kutub al-sittah*, ed. Salih ibn Abd al-Aziz Al al-Shaykh. Riyadh: Dar al-Salam.
- Che Zaharah Abdullah, Zaharah Yahya & Baterah Alias. (2015). Adat perkahwinan masyarakat Melayu, kesejarahannya dengan nilai Islam: Kajian di Shah Alam. Dalam Ibrahim s, Salamat ASA & Zamhury

- N (Ed.), *e-Proceedings of the International Conference of Malay Heritage and Civilization (ICOMHA 2015)* pada 16-17 Disember 2015, Universiti Institut Teknologi Mara, cawangan Kedah, Kedah.
- Al-Dahlawi, Ahmad Abd al-Rahim. (2005). *Hujjat Allah al-balighah*, ed. al-Sayyid Sabiq. 2. Qaherah: Dar al-Jail.
- Dawwabah, Ashraf Muhammad. (2010). *Al-Iqtisad al-Islami: Madkhal wa manhaj*. Qaherah: Dar al-Salam.
- Al-Dusuqi, Shams al-Din Muhammad. (t.t.). *Hashiyah al-Dusuqi ala al-sharb al-kabir li Dardir*. 2. T.tp: Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- Fatimah Abdullah. (2009). “Dari halaman rumah ke dewan merak kayangan.” *SARI Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 27(1), 97-107.
- Fatimah Salwa Abd Hadi, Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak & Nurhanie Mahjom. (2019). “Bank Loan or financing for weddings ceremonies: Causes and reasons.” *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 9(1), 1409 -1417.
- Fatimah Salwa Abd. Hadi, Nurhanie Mahjom, Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin, Normala Zulkifli, Norimah Rambeli @ Ramli & Mohamad Azahari Ahmad. (2016). “Analisis corak perbelanjaan perkahwinan dalam kalangan graduan.” *Management Research Journal*, 6(1), 22 -31.
- Ghadi, Yasin. (t.t.). *Al-Thaqafah al-Islamiyyah fi thawbiha al-mu'asir*. Mu'tah: Mu'assasah Ram.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. (1997). *Al-Wasit fi al-mazhab*, ed. Ahmad Mahmud Ibrahim. Jilid 5. T.tp: Dar al-Salam.
- Ghazi Inayah. (1992). *Dawabit tanzim al-iqtisad fi al-suq al-Islami*. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Al-Hafnawi, Muhammad Ibrahim. (2000). *Al-Mawsu'ah al-fiqhiyyah al-muyassarah 'al-zawaj'*. Mansoura: Maktabat al-Iman.
- Humin Jusilin. (2013). Lemba' (Pelamin): Sebagai objek budaya dalam adat perkahwinan masyarakat Iranun di Sabah. *TENLAT: International Journal of Creative Futures and Heritage*, 1(1), 117.
- Al-Husaini, Taqy al-Din Abu Bakr ibn Muhammad. (t.t.). *Kifayat al-akhyar fi hill hhayat al-ikhtisar*. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Ibadi, Abd al-Hamid al-Shirwani & Ahmad ibn Qasim. (t.t.). “Hawashi tuhfat al-muhtaj bi sharh al-minhaj,” dicetak bersama Shihab al-Din Ahmad ibn Hajar al-Haytami, *Tuhfat al-muhtaj bi sharh al-minhaj*. Jilid 7. Qaherah: Matba‘ah Mustafa Muhammad.
- Ibn Ashur, Muhammad al-Tahir. (2001). *Maqasid al-shari'ah al-Islamiyyah*, ed. Muhammad al-Tahir al-Maisawi. Jilid 2. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' al-Hafiz. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-ażīm*, ed. Husayn ibn Ibrahim Zahran. 3. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman ibn Muhammad. (t.t.). *Muqaddimah Ibn Khaldun*, ed. Ali Abd al-Wahid Wafi. Jilid 2. Qaherah: Dar Nahdah.
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2011). *Ekonomi Islam satu pendekatan analisis*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Joyce Hwee-Nga Koe, & Ken Kyid Yeoh. (2021). “Factors influencing financial planning for marriage amongst young Malaysian couples.” *International Journal of Business and Society*, 22(1), 33-54.
- Al-Jaziri, Abd al-Rahman. (1999). *Kitab al-fiqh ala mazhabib al-arba'ah*, ed. Muhammad Bakr Ismail. 2. Qaherah: Dar al-Manar.
- Karafi Salleh. (2010). *Adat dan pantun perkahwinan Melayu*. Kuala Lumpur: Tinta Publishers.

- Al-Khatib al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad ibn Muhammad. (2000). *Mughni al-muhtaj ila ma'rifah ma'ani al-faz al-minhaj*, ed. Ali Muhammad Mu'awwad & Adil Ahmad Abd al-Mawjud. 6. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Khin, Mustafa, Al-Bugha, Mustafa & Al-Sharbiji, Ali. (1998). *Al-Fiqh al-manhaji ala mazhab al-imam al-Shafi'i*. 2. Beirut: Dar al-Shamiyyah.
- M. Sholahuddin. (2007). *Asas-asas ekonomi Islam*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan Ali ibn Muhammad. (1999). *Al-Hawi al-kabir fi fiqh mazhab al-imam al-Shafi'i*, ed. Ali Muhammad Mu'awwad & Adil Ahmad Abd al-Ma'bud. 9. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Misri, Rafiq Yunus. (1993). *Usul al-iqtisad al-Islami*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- Mohamad Akram Laldin. (2013). “Pengurusan dan perbelanjaan harta dalam Islam: Keutamaan dan pendekatan.” Dalam *Maqasid Syariah Isu-isu Kepenggunaan: Realiti dan Cabaran*. ed. Abdul Karim Ali & Mohd Nazri Chik. 27-46. Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia.
- Mohamad Som Sujiman & Abdul Basir Mohamad. (2009). *Fikah kekeluargaan*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mohd Anuar Awang Idris & Nora Yusma Mohamed Yusop. (2009). “Pemakaian fiqh awlawiyyah dan prinsip maslahah dalam teori penggunaan Islam.” *Jurnal Kolej Islam Pahang Ahmad Shah*, 10, 137-157.
- Mohd Khairuddin Mohd Sallehuddin & Mohamad Fauzi Sukimi. (2016). “Impian dan realiti majlis perkahwinan orang Melayu masa kini: Kajian kes di pinggir bandar Kuala Lumpur.” *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(7), 1-12.
- Mohd Khairuddin Mohd Sallehuddin, Muhammad Ridhwan Sarifin & Mohamad Fauzi Sukimi. (2020). “Konsumerisme dan kelas sosial dalam majlis perkahwinan masyarakat Melayu.” *Journal of Southeast Asia Sciences and Humanities (Akademika)*, 90(1), 35-49.
- Mohd. Hamdan Adnan. (1994). *Konsep asas kepenggunaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Ridzuan Awang. (2003). “Pelaksanaan harta hibah.” Dalam *Isu Syariah dan Undang-undang Siri 12*, ed. Mohamad Zaini Yahaya, Abdul Basir Mohamad & Mohd. Nasran Mohamad, 89-105. Bangi: Universiti kebangsaan Malaysia.
- Al-Mubarakfuri, Muhammad Abd al-Rahman ibn Abd al-Rahim. (2011). *Tuhfat al-abwa'i bi sharh jami' al-Tirmizi*, ed. Khalid Abd al-Ghay Mahfuz. Jilid 4. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Mustafa Shalabi, Muhammad. (1977). *Abkam al-usrah fi al-Islam dirasah muqaranah baina fiqh al-mazahib al-sunniyah wa al-mazahib al-Ja'fari wa al-qanun*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhy al-Din ibn Sharf. (t.t.). *Al-Majmu' sharh muhazzab*, ed. Muhammad Najib al-Muti'i. Jilid 16 & 18. Makkah Mukarramah: Maktabat al-Irshad.
- Nor Asmat Ismail. (2014). *Hutang dan pembangunan ekonomi negara Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriati A. Rashid. (2005). “Nilai kesantunan dalam konteks sosiobudaya masyarakat Melayu.” *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 232-253.
- Norsaadah Din @ Mohamad Nasirudin, Nurzatil Ismail Azizan, Nazneen Ismail & Ahmad Nazeer Zainal Arifin. (2014). “Membina perkahwinan berdaya tahan sepanjang hayat melalui pendekatan al-Quran dan al-sunnah.” *Jurnal Pengajian Islam*, 7(1), 174-187.
- Nur Muzdalifah Zulkarnain & Zaimah Ramli. (2020). “Perancangan kewangan ke arah perkahwinan dalam kalangan belia.” *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(2), 1-14.

- Nurul Athirah Mohd Azmi & Sanep Ahmad. (2016). “Skim zawaq: Produk perkhidmatan untuk perkahwinan.” *Ulwan’s Journal*, 1, 74-87.
- Patricia Drentea. (2000). “Age debt and anxiety.” *Journal of Health and Social Behavior*, 41(4), 437-450.
- Al-Qalyubi, Shihab al-Din Ahmad ibn Salamah & Al-Umairah, Shihab al-Din Ahmad al-Barlisi. (1956). *Hashiyatan*. Jilid 3. Qaherah: Maktabah wa Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1993). *Mulamib al-Mujtama‘ al-muslim allazi nanshudub*. Qaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2000). *Fiqh al-awla’iyat dirasah jadidah fi daw’ al-Qur'an wa al-sunah*. Qaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qurtubi, Abu Abd Allah Muhammad. (2002). *Al-Jami’ li ahkam al-Qur'an*, ed. Muhammad Ibrahim al-Hafnawi & Mahmud Hamid Uthman. Jilid 5. Qaherah: Dar al-Hadith.
- Raihanah Azahari, Khairun Najmi Saripudin & Raihana Abd Wahab. (2009). “Hubungan di antara faktor demografi dengan penentuan kadar hantaran: Kajian di Perlis, Kedah, Pulau-Pinang dan Perak,” *Jurnal Fiqh* 6, 107-124.
- Al-Ramli, Shams al-Din Muhammad ibn Ahmad. (2003). *Nibayat al-muhtaj ila sharh al-minhaj*. Jilid 6. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-San‘ani, Muhammad ibn Ismail al-Kahlani. (2002). *Subul al-salam al-musilah ila bulugh al-maram*. Jilid 3. Qaherah: Dar al-Aqidah.
- Shamsuddin Kadir & Ain Muhammad. (2012). *Rancang wang sejak jatuh cinta*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim ibn Musa ibn Muhammad. (2016). *Al-Muwafaqat*. 2. Jeddah: Wizarah Syu'un al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da'wah wa al-Irsyad.
- Al-Shaukani, Muhammad ibn Ali ibn Muhammad. (t.t.). *Fath al-qadir al-jami‘ bayna fanni al-rivayah wa al-dirayah min ilm al-tafsir*. Jilid 4. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Paizah Ismail, Mohd Anuar Ramli & Ahmad Badri Abdullah. (2013). Pengenalpastian elemen al-tasyabbuh (penyerupaan) dalam budaya perkahwinan masyarakat Islam kontemporari dalam rangka mempertahankan sunnah nabawiyyah. Dalam International Seminar on Sunnah Nabawiah (MUSNAD II) pada 4 Julai 2013, Jabatan al-Quran dan Hadith, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Raudhatul Jannah. (2020). “Makna simbolis nasi ulam pada upacara adat pernikahan Melayu.” *Jurnal SOMASI*, 1(1), 40-52.
- Sadigov, Turkhan. (2020). “Household overspending on marriage: the scale of the problem and government reactions around the world.” *International Journal of Sociology and Social Policy*, 40(11/12), 1509-1532.
- Siti Zaleha Ibrahim & Noraini Mohamad. (2018). Elemen perbelanjaan yang sederhana sebagai wasilah merealisasikan maqasid al-syariah dalam perkahwinan. *4th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2018)* pada 17 October 2018. Kuala Lumpur.
- Siti Zaleha Ibrahim, Mohd Faisal Mohamed & Phayilah Yama. (2019). “Elemen perbelanjaan dalam perkahwinan Melayu: Tinjauan hukum dari perspektif fiqh kontemporari.” *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(4), 12-18.
- Strange, Heather. (1981). *Rural Malay women in tradition and transition*. New York: Praeger.
- Suziyana Ismail. (2009). *Pakaian tradisional dan perkahwinan*. Selangor: Pustaka Anggerik Emas.

- Syh Noorul Madihah Syed Husin, Raihanah Azahari & Asmak Ab Rahman. (2020). “The practice of al-ta’awun in the wedding expenditure of Malay-Muslim in Malaysia.” *Pertanika – Journal Social Sciences of Humanities*, 28(2), 1467-1484.
- Syh Noorul Madihah Syed Husin, Raihanah Azahari & Asmak Ab Rahman. (2018). “Wedding expenditure by the Malay-Muslim community: An investigation into the sources expenditure.” *International Journal of Academic Research in Business & Social Seceinces*, 8(10), 481-499.
- Todd Outcalt. (2009). *Your beautiful wedding on any budget*. Illinois: Sourcebooks Casablanca.
- Yuliandi Kusuma. (2012). *Post wedding photography: Panduan asas teknik fotografi dan olah gambar digital*. Batu Caves: PTS Net Media.
- Yusuf Muhd. (t.t.). *Fotografi perkahwinan*. Kuala Lumpur: SAM Synergy Media Sdn. Bhd.
- Zaidan, Abd al-Karim. (2000). *Al-Mufassal fi abkam al-mar’ah wa al-bait al-muslim fi al-shari’ah al-Islamiyyah*. Jilid 7. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- Zaidan, Abd al-Karim. (2009). *Al-Wajiz fi usul al-fiqh*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- Zainorinyana Jamoran Yana & Vivien WC Yew. (2017). “Amalan rewang dalam masyarakat Jawa di Malaysia.” *Malaysia Journal of Society and Space*, 13(3), 53-64.
- Zainunnisa Abdul Rahman. (2007). “Mahar in Malaysia: The law revisited.” *Shariah Law Reports*, 4, 1-19.
- Siti Noridayu Abd. Nasir. (2018). Percanggahan budaya Melayu dengan hukum Islam dalam adat perkahwinan di Malaysia. Dalam Latifah Abdul Latiff, Ros Aiza Mohd Mokhtar & Farah Laily Muda @ Ismail (Ed.), *e-Proceedings International Conference on Civilisation Ethnicity and Islamic Heritage (i-STET 2018)* pada 29-30 September 2018. Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu*. 9. Beirut: Dar al-Fikr.